

STRUKTUR SUKU KATA BAHASA ARAB

ARABIC SYLLABLE STRUCTURE

Azhani Almuddin¹

Syahirah Almuddin²

¹Akademi Pengajian Bahasa, Universiti Teknologi MARA (UiTM), Shah Alam, Malaysia,
(E-mail: azhani@uitm.edu.my)

²Akademi Pengajian Bahasa, Universiti Teknologi MARA (UiTM), Cawangan Negeri Sembilan, Kampus Kuala Pilah, Malaysia, (Email: syahirah12@uitm.edu.my)

Article history

Received date : 12-8-2022

Revised date : 13-8-2022

Accepted date : 8-10-2022

Published date : 15-10-2022

To cite this document:

Almuddin, A. & Almuddin, S. (2022). Struktur Suku Kata Bahasa Arab. *Jurnal Penyelidikan Sains Sosial (JOSSR)*, 5(16), 31 - 41.

Abstrak: Struktur suku kata membentuk komponen pembahagian fonologi kata yang tertumpu kepada segmen perkataan yang boleh disebut dan bagaimana ia disusun dan dibahagikan. Struktur suku kata juga merupakan subbahagian fonotaktik, atau peraturan pembahagian bunyi dan urutan bunyi yang spesifik dalam sesuatu bahasa. Perbahasan suku kata Bahasa Arab telah banyak diketengahkan dalam kajian oleh pengkaji lain. Namun begitu, tafsiran dan perbincangan secara menyeluruh merangkumi ulasan teoretis belum cukup diketengahkan secara terperinci. Oleh kerana Bahasa Arab merupakan antara bahasa yang banyak dipinjam kosa katanya dalam kosa kata Bahasa Melayu, justeru kajian ini wajar diketengahkan. Oleh itu, artikel ini diketengahkan bagi memberi pendedahan kepada pembaca dan pengkaji mengenai aspek suku kata yang mencakupi dari segenap aspek seperti pola suku kata, jenis suku kata, hierarki suku kata dan bebanan suku kata. Kajian kualitatif ini merupakan kajian pengenalan kepada struktur suku kata Bahasa Arab yang akan dijelaskan secara deskriptif. Kajian ini menggunakan kaedah analisis kandungan yang melibatkan rujukan bahan daripada sumber primer seperti buku-buku berbahasa Arab yang membincangkan tentang struktur suku kata Bahasa Arab dan rujukan sumber sekunder seperti artikel, tesis, buku-buku ilmiah dan prosiding. Kajian mendapati struktur suku kata Bahasa Arab dapat dibahagikan kepada enam bentuk utama. Pembahagian suku kata ini bergantung kepada tiga syarat iaitu; setiap suku kata mestilah mempunyai bunyi vokal, setiap suku kata mestilah dimulakan dengan satu bunyi konsonan dan suku kata boleh menjadi suku kata terbuka dan suku kata tertutup. Kajian ini boleh dimanfaatkan oleh pengkaji yang menjalankan kajian linguistik secara umumnya dan kajian fonologi secara khusus terutamanya melibatkan kajian kata pinjaman Arab atau fonologi Bahasa Arab. Selain itu, kajian ini boleh juga dimanfaatkan oleh pendidik bagi menjelaskan kepada para pelajar dalam sesi pengajaran dan pembelajaran suku kata Bahasa Arab di dalam bilik kuliah.

Kata Kunci: Suku Kata, Bahasa Arab, Fonologi, Linguistik

Abstract: *The structure of a syllable constructs component of phoneme segmentation of the word, it focuses on the word segmentation that can be pronounced and how it arranged and divided. Syllable structure is also a subdivision of phonotactics, or the division rules of sounds and the specific order of sounds in a language. The study of Arabic syllables has been highlighted in studies by other researchers. Nevertheless, the interpretation and discussion in general including the theoretical aspects have not been sufficiently highlighted specifically. Malay borrowed many vocabularies from Arabic language, this should be highlighted. Therefore, this article is emphasized to give exposure to readers and researchers regarding syllable parts from every aspects such as syllable patterns, syllable types, syllable hierarchy and syllable weight. This qualitative study is an introductory research of the Arabic syllables structure that will be explained descriptively. This study uses a content analysis method by referring material from primary sources such as Arabic language books discussing about Arabic syllable structure and secondary sources references such as articles, thesis, scientific books and proceedings. The study found that the Arabic syllable structure can be divided into six patterns. The division of this syllable depends on three conditions which are; each syllable must have a vowel, each syllable must begin with a consonant, and it can be open syllables and closed syllables. This study can be used by researchers who conduct linguistic studies in general and phonological studies specifically, especially involving the study of Arabic loanwords or phonology. In addition, this study can also be used by instructors to explain to their learners in teaching and learning sessions of Arabic syllables in their lecture.*

Keywords: *Syllable, Arabic Language, Phonology, Linguistics*

Pengenalan

Peringkat awal kemunculan suku kata Bahasa Arab (BA) telah mula diketengahkan oleh Khalil bin Ahmad al-Farahidiy (meninggal: tahun 170H) dalam ilmu ‘*arud* yang telah diasaskan oleh beliau. Menurut ‘Atiq (1987), al-Farahidiy telah membahagikan suku kata dalam ilmu ‘*arud* kepada enam pembahagian, antaranya ialah *sabab khafif* (السَّبَبُ الْخَفِيفُ), *watad majmu’* (الْوَتْدُ الْمَجْمُوعُ) dan sebagainya. Suku kata yang dibahaskan beliau dalam ilmu ‘*arud* menjurus kepada perbincangan irama syair Arab. Walaupun perbincangan dalam ilmu ‘*arud* ketika itu belum dilihat dari aspek fonologi, beliau merupakan salah seorang pelopor kajian suku kata BA.

Suku kata merupakan salah satu daripada elemen fonologi. Hal ini adalah kerana ia tergolong daripada salah satu sistem bunyi bahasa. Oleh kerana kajian fonologi membahaskan mengenai sistem bunyi bahasa, maka jelas menunjukkan perkaitan suku kata dengan elemen fonologi. Selain daripada berperanan sebagai salah satu daripada sistem fonologi dan tergolong sebagai segmen, suku kata dalam BA penting dalam menentukan tekanan dalam perkataan. Tekanan dapat ditentukan berdasarkan kepada pembahagian suku kata serta struktur suku kata sama ada sesuatu kata terdiri daripada ekasuku kata (أَحَادِي الْمَقْطَعِ), dwisuku kata (ثَنَائِي الْمَقْطَعِ), trisuku kata (ثَلَاثِي الْمَقْطَعِ) dan perkataan bersuku kata banyak. Menurut Teori Fonologi Autosegmental dan teori fonologi terkini, suku kata dikategorikan sebagai segmen yang bukan fonem.

Kajian fonologi yang telah banyak dilaksanakan melibatkan suku kata, kebanyakannya memfokuskan kepada perbincangan aspek perubahan bunyi dan tekanan. Proses perubahan bunyi yang terdapat dalam sesuatu fenomena secara tidak langsung akan menyentuh aspek suku kata. Selain itu kajian struktur suku kata juga difokuskan kepada kajian pemerolehan bahasa kanak-kanak melalui proses fonologi yang berlaku (lihat Keffala, Barlow & Rose, 2018; Raja, 2008). Namun, kajian yang membahaskan secara khusus dan terperinci mengenai suku kata

belum dilihat dan diketengahkan secara menyeluruh menurut pendekatan fonologi berlandaskan teori. Oleh kerana BA merupakan antara bahasa yang banyak dipinjam kosa katanya dalam kosa kata Bahasa Melayu, justeru kajian ini wajar diketengahkan. Menurut Zaidan et.al (2015), terdapat 1791 kosa kata pinjaman dari BA disenaraikan dalam Kamus Dewan. Berdasarkan kajian tersebut yang telah dijalankan secara kuantitatif, jumlah tersebut mewakili 6.25 peratus. Hal ini telah mendorong kepada perlunya kajian ini diketengahkan.

Bertitik tolak dari penjelasan di atas, kandungan kajian ini boleh dimanfaatkan oleh pengkaji yang mempunyai latar belakang BA dan menjadi sumber rujukan kepada mereka dalam menjalankan sesuatu kajian fonologi. Selain itu, manfaat kajian ini dapat diperolehi oleh pengkaji lain yang tidak mempunyai latar belakang BA apabila menjalankan kajian perbandingan kata serapan Arab dalam Bahasa Melayu.

Kajian Literatur

Kajian yang menyentuh tentang suku kata BA telah banyak dilaksanakan. Antaranya ialah kajian yang telah dijalankan oleh Mayhubiy (2000) berkenaan suku kata dan ciri-ciri suku kata serta pembentukan kata. Dapatan kajian beliau menyatakan struktur kata BA tidak akan dimulakan dengan vokal atau dua konsonan. Dua konsonan di sini merujuk kepada gugusan konsonan di awal kata. Keadaan ini sering dilihat terdapat dalam perkataan Bahasa Inggeris seperti perkataan *structure* yang mempunyai lebih daripada dua konsonan di awal suku kata dan perkataan lain yang seumpamanya. Oleh itu, sistem bunyi BA tidak menerima urutan dua konsonan atau lebih di awal suku katanya.

Rubba' (2000) juga telah membahaskan mengenai sistem suku kata BA dalam artikel beliau. Namun kajian beliau lebih menekankan kepada perbincangan mengenai struktur suku kata bagi perkataan yang dimulakan dengan hamzah *wasal*. Kajian beliau belum lagi menyentuh secara menyeluruh sistem suku kata yang dilihat secara teoretis.

Selain kajian di atas, terdapat kajian lain yang diketengahkan oleh Balasubramanian (2011). Kajian tersebut membahaskan mengenai aspek tekanan dalam perkataan BA. Unsur tekanan dalam kata ditentukan berdasarkan kepada struktur suku kata dalam perkataan. Oleh itu, kajian tersebut turut membincangkan tentang struktur suku kata BA bagi mencapai objektif kajian tersebut.

Mashaqba (2019) pula mengkaji pemerolehan suku kata dalam kalangan kanak-kanak. Kajian ini mengkaji struktur suku kata yang sering dituturkan oleh kanak-kanak Jordan yang berusia setahun sehingga 3 tahun. Kajian ini juga melihat proses fonologi yang berlaku semasa suku kata tersebut dituturkan menggunakan Bahasa Arab Jordan. Kajian ini mendapati suku kata /KVK/ adalah suku kata yang paling banyak dituturkan kanak-kanak pada usia ini. Manakala, dari aspek pembahagian suku kata serta struktur suku kata, mereka seringkali menuturkan perkataan yang mempunyai dwisuku kata.

Selain itu, kajian Na'eem, Abudalbh & Jaber (2020) menekankan perbincangan mengenai struktur dan bentuk penyukuan suku kata yang terdapat dalam BA Jordan yang digunakan di kawasan bandar. Fokus kajian ini adalah terhadap derivasi morfologi yang melibatkan tiga gugusan konsonan yang mempunyai struktur suku kata CVCC dan diikuti oleh imbuhan akhiran -CV. Hasil kajian ini mendapati, jumlah bilangan mora bagi struktur suku kata CVCC adalah dua. Kajian ini juga menjelaskan bahawa tiga gugusan konsonan CCC adalah diterima dalam bahasa ini.

El Shanawany & Wiese (2021) juga telah menjalankan kajian analisis kesalahan terhadap penuntut bahasa Jerman iaitu 20 orang pelajar Arab Mesir yang melibatkan penghasilan gugusan konsonan di akhir kata. Kajian ini menyatakan bahawa kesalahan tersebut berlaku secara meluas.

Kajian yang telah dijalankan oleh pengkaji di atas telah membincangkan mengenai struktur suku kata BA dan bahasa Jerman. Aspek suku kata yang dijelaskan menjurus kepada isu-isu yang diketengahkan bagi mencapai objektif sesuatu kajian. Namun, kajian yang menerangkan tentang suku kata BA secara menyeluruh bersama penjelasan dari aspek teoretis belum diketengahkan lagi. Oleh itu, kajian ini akan memenuhi kelompangan tersebut.

Metodologi Kajian

Kajian ini merupakan kajian kualitatif kerana tidak melibatkan sebarang bentuk nombor dan kekerapan. Kajian ini menggunakan kaedah analisis kandungan yang melibatkan rujukan bahan dari sumber primer seperti buku-buku berbahasa Arab yang membincangkan tentang struktur suku kata Bahasa Arab dan rujukan sumber sekunder seperti artikel, tesis, buku-buku ilmiah dan prosiding. Perbincangan mengenai suku kata dalam kajian ini dijelaskan secara deskriptif berdasarkan sumber rujukan tersebut.

Perbincangan dan Dapatan

Struktur suku kata membentuk komponen pembahagian fonologi kata yang tertumpu kepada segmen perkataan yang boleh disebut dan bagaimana ia disusun dan dibahagikan. Terdapat enam pola suku kata BA (al-Ghamidiy, 2000; Rubba', 2000). Menurut al-Ghamidiy (2000), suku kata bahasa Arab terdiri daripada salah satu suku kata berikut:

- 1) Konsonan + vokal pendek /KV/
Contoh: [ka.ta.ba] كَ، تَ، بَ، كَتَبَ
- 2) Konsonan + vokal panjang /KV̄/
Contoh: [qā.ma] قَ، مَ، أَ، قَامَا
- 3) Konsonan + vokal pendek + konsonan /KVK/
Contoh: [mak.tab] مَ، كَ، تَ، بَ، مَكْتَبَ
- 4) Konsonan + vokal panjang + konsonan atau konsonan + diftong + konsonan /KV̄]K/
Contoh: [sād] سَ، اَ، دَ، سَادَ atau [qaum] قَ، اَ، وُ، مَ، قَوْمَ
- 5) Konsonan + vokal pendek + konsonan + konsonan /KVKK/
Contoh: [ʕadd] عَ، اَ، دَ، دَ، عَدَدَ
- 6) Konsonan + vokal panjang + konsonan + konsonan /KV̄]KK/
Contoh: [d̄āll] دَ، اَ، لَ، لَ، ضَالَّ

Pembahagian suku kata bahasa Arab ini bergantung kepada beberapa syarat iaitu; setiap suku kata mestilah terdiri daripada bunyi vokal, setiap suku kata mestilah dimulakan dengan satu bunyi konsonan dan suku kata ini boleh menjadi suku kata terbuka (diakhiri oleh bunyi vokal) atau suku kata tertutup (diakhiri oleh bunyi konsonan). Berdasarkan syarat ini, kita dapat fahami bahawa ciri asas cara penyebutan dan pembahagian suku kata awal BA ialah suku kata BA tidak dimulakan dengan huruf vokal. Suku kata BA juga tidak dimulakan dengan gabungan dua atau lebih konsonan. Semua suku kata BA dimulakan dengan /KV/ atau /KV̄/.

Tiga pola suku kata daripada keseluruhan enam pola tersebut terhasil jika sesuatu perkataan diujarkan secara waqaf. Tiga pola tersebut merujuk kepada suku kata yang berpola /KV̄]K/ dan /KVKK/ serta /KV̄]KK/. Menurut bebanan suku kata, ketiga-tiga pola tersebut digolongkan sebagai suku kata ekstra berat. Aspek bebanan akan dijelaskan secara terperinci dalam sub topik

bebanan suku kata pada perbincangan di bawah. Namun begitu, suku kata yang berpola /KV]K/ juga turut didapati apabila sesuatu kata dituturkan tanpa waqaf, seperti mana yang dilihat pada perkataan مَالٌ [ma]l.lun] iaitu dalam suku kata pertama bagi perkataan tersebut.

Menurut Rubba' (2000), kewujudan suku kata berpola /KV/ sering terdapat dalam kata kerja kala lampau (الفِعْلُ الْمَاضِي) tunggal yang bukan *mu'tal* dan juga bukan *muda'af* (gandaan konsonan (geminat) atau perkataan yang salah satu fonem asalnya diulang). Misalnya pola suku kata /KV/ hadir pada kata kerja kala lampau ذَهَبَ [Δa.ha.ba]. Pola suku kata berbentuk /KV]V/ pula sering hadir pada suku kata pertama dalam kata kerja *mu'tal* jenis *ajwaf* (fonem 'illat terletak pada lingkungan 'ayn kata kerja) dalam bentuk kala lampau seperti عَادَ [ʕa]da], serta pada suku kata akhir bagi perkataan jenis *mu'tal naqis* (fonem 'illat berada pada kedudukan lam kata) dalam bentuk kala lampau seperti سَعَى [sa.ʕa], begitu juga pada suku kata awal kata nama pelaku yang didatangkan dengan pola عَامِلٌ فَاعِلٌ seperti عامل [ʕa]mi.lun].

Suku kata berbentuk /KVK/ pula sering hadir pada suku kata awal seluruh kata terbitan tunggal yang berpola فَعْلٌ, contohnya terdapat pada perkataan حَمَلٌ [⇒am.lun] yang tidak diwaqafkan pada akhir kata tanpa baris. Begitu juga pada suku kata pertama bagi kata nama objek yang berpola مَفْعُولٌ, misalnya terdapat dalam perkataan مَكْتُوبٌ [mak.tu]bun]. Selain itu, ia juga hadir pada suku kata pertama bagi kata kerja kala lampau *muda'af*, seperti dalam perkataan ضَرَّ [d'ar.ra] dan kata kerja kala kini (الفِعْلُ الْمَضَارِعُ) yang *fa'* kata tidak berbaris, misalnya perkataan يَرْكَبُ [jar.ka.bu] (Rubba', 2000).

Pola suku kata /KV]K/ hadir dalam dua keadaan, pertamanya ketika waqaf pada perkataan yang diakhiri oleh dua suku kata iaitu /KV]V/ dan /KV/, misalnya terdapat dalam kata kerja *ajwaf* فَازَ [fa]z]. Keduanya wujud pada posisi tengah kata (yang disyaratkan konsonan akhir bagi akhir suku kata pertama adalah sama dengan konsonan yang menutupi suku kata tersebut dan diujarkan secara waqaf), misalnya perkataan مَالٌ [ma]l] yang diujarkan bersama vokal diakhir kata menjadi [ma]l.lun]. Seterusnya, struktur ini juga turut hadir pada kata nama pelaku *muda'af*, misalnya perkataan مَارَ [ma]r.run]. Begitu juga pada bentuk kata kerja kala kini yang diikuti oleh kata ganti nama alif dua bersama *nun* penguat yang berat, misalnya yang terdapat pada suku kata sebelum akhir bagi perkataan لِيَلْعَبَنَّ [la.jal.ʕa.ba]n.na] (Rubba', 2000).

Bagi suku kata berpola /KVKK/ yang telah disepakati oleh ahli linguistik Arab moden boleh berlaku dalam dua keadaan, pertamanya apabila sesuatu kata diujarkan secara waqaf, dan kedua pada bentuk mimitan (التَّصْنِيعُ) (Rubba', 2000). Contohnya yang didapati pada perkataan خُسْرٌ [xusr].

Pola suku kata /KV]KK/ hadir apabila sesuatu kata dituturkan secara waqaf. Contoh perkataan yang terkandung pola suku kata /KV]KK/ wujud pada bentuk kata *muda'af* سَادَ [sa]dd]. Suku kata yang berpola /KV]K/ dan /KVKK/ kurang berlaku jika dibandingkan dengan pola suku kata lain, struktur tersebut hanya diperlihatkan di akhir perkataan ketika waqaf, yang sebelum ini menjadi nilai irama dalam syair Arab (Mayhubi, 2000).

Jenis Suku Kata Bahasa Arab

Berdasarkan taburan bunyi vokal dan konsonan di dalam suku kata tersebut, kita dapat melihat 6 jenis suku kata utama BA. Suku kata /KV]V/ [fi] في ialah suku kata sederhana terbuka. Suku kata /KVK/ [sin] سين ialah suku kata sederhana tertutup. Suku kata /KV]K/ [ba]b باب ialah suku

kata panjang tertutup. Suku kata /KVKK/ dan /KV̄|KK/ [nahr] نَهْر merupakan suku kata tertutup berganda. Akhir sekali /KV/ [bi] ب suku kata pendek terbuka.

Suku Kata Panjang, Pertengahan dan Pendek


Suku kata dapat juga diukur berdasarkan kepada panjang, pertengahan dan pendek. Panjang, pertengahan atau pendek sesuatu suku kata ditentukan menurut bilangan bunyi. Jika sesuatu suku kata mengandungi dua bunyi, ia merujuk kepada suku kata pendek (المَقْطَعُ القَصِيرُ), manakala suku kata yang mengandungi tiga bunyi dikategorikan sebagai suku kata pertengahan (المَقْطَعُ المَتَوَسِّطُ), adapun suku kata panjang (المَقْطَعُ الطَّوِيلُ) menjurus kepada empat bunyi (Mayhubi, 2000).

Keadaan ini boleh berlaku dalam BA kerana inventori vokal BA yang terdiri daripada vokal panjang telah menyumbang kepada suku kata panjang sehingga menjangkau kepada empat bunyi, di samping cara penyebutan secara waqaf di akhir kata juga mendorong kepada pengurangan jumlah suku kata, namun keadaan ini akan menyebabkan suku kata sebelumnya mengalami penambahan bunyi.

Bagi penyebutan sesuatu kata yang diujarkan di akhir kata secara waqaf, akhir suku kata sebelumnya akan menerima konsonan di awal suku kata akhir tersebut hasil daripada pemindahan bunyi. Misalnya, perkataan رَعْدٌ [raʕ.dun] jika dituturkan secara waqaf akan menghasilkan sebutan [raʕd]. Ini bermaksud konsonan /d/ yang asalnya berada pada awal suku kata akhir akan berpindah ke akhir suku kata pertama. Keadaan sebegini yang telah mendorong sesuatu suku kata menjangkau kepada empat bunyi, namun perkataan tersebut yang asalnya terdiri daripada dwisuku kata akan berkurangan kepada ekasuku kata.

Hierarki Suku Kata Bahasa Arab

Struktur hierarki suku kata merujuk kepada struktur dalaman suku kata. Struktur hierarki suku kata terdiri daripada gabungan onsets dan rima. Rima pula terkandung daripada nukleus dan koda. Struktur ini dapat dipersembahkan dengan lebih jelas menggunakan rajah pokok. Rajah berikut menggambarkan struktur suku kata yang berhierarki:



Rajah 1: Representasi Struktur Suku Kata yang Berhierarki


Sumber: Ahmad & Teoh (2006)

Berdasarkan Rajah 1 di atas, posisi onset sering diwakili oleh konsonan, manakala posisi nukleus mestilah diduduki oleh vokal. Nukleus suku kata yang diduduki oleh vokal merujuk kepada vokal pendek dan diberi perlambangan /V/, selain itu nukleus juga boleh diwakili oleh vokal panjang serta diftong yang dilambangkan dengan /V̄| (T.Balasubramanian, 2011). Menurut Ahmad & Teoh (2006), dalam mendirikan sesuatu suku kata, nodus nukleus merupakan unsur yang utama menurut teori suku kata, manakala posisi tersebut sering dihubungkan dengan bunyi vokal. Oleh itu, elemen yang terpenting dalam mendirikan sesuatu suku kata adalah nodus nukleus. Posisi koda pula diduduki oleh konsonan, dan konsonan yang

mewakili posisi koda perlu berada pada kedudukan selepas nukleus. Hasil daripada gabungan nukleus dan koda membentuk rima. Secara umumnya semua suku kata dalam bahasa di dunia ini haruslah mengandungi nukleus, tetapi boleh memilih untuk mengandungi koda atau onset, atau kedua-duanya sekali (Aziz & Ahmad, 2008).

Dalam menjelaskan mengenai suku kata BA, terdapat tiga pertimbangan yang perlu diambil kira apabila membicarakan mengenainya, pertamanya tidak terdapat suku kata tanpa onset yang bermakna onset suku kata adalah perlu, kedua onset kompleks adalah tidak dibenarkan walaupun onset adalah dituntut, akhirnya koda sama ada tunggal atau kompleks adalah dibenarkan dalam suku kata BA (al-Qahtani, 2014). Onset kompleks merujuk kepada urutan konsonan di awal suku kata. Jika terdapat kosa kata yang dipinjam daripada bahasa asing, yang mana bahasa sumber (merujuk kepada bahasa yang dipinjam) mengandungi onset kompleks, secara automatik penyisipan vokal pada onset tersebut akan berlaku. Misalnya perkataan *graphite* dalam bahasa Inggeris, akan dituturkan sebagai جَرَاڤَيْت [dʒi.ra].fi[t], iaitu berlaku penyisipan (الإفْحَامُ وَسَطِيّ) vokal [i] di antara onset kompleks /dʒi/ dan /r/ bagi mewujudkan onset tunggal. Keadaan ini jelas menunjukkan bahawa BA tidak menerima kewujudan onset kompleks dalam struktur suku katanya. Namun, koda kompleks diterima kewujudannya jika sesuatu kata dituturkan secara waqaf.

Menurut Aquil (2013), hierarki suku kata dasar (المَقْطَعُ الْأَسَاسِيّ) BA adalah merujuk kepada suku kata yang berpola KV(K). Rajah suku kata dasar BA dapat direpresentasikan seperti berikut:



Rajah 2: Suku Kata Dasar Bahasa Arab

Sumber: Aquil (2013)

Rajah 2 di atas menjelaskan bahawa struktur suku kata dasar BA mestilah terdiri daripada onset dan nukleus. Kewujudan koda merupakan pilihan kehadiran atau ketidakhadirannya dalam struktur suku kata BA. Selain itu, suku kata BA mesti dimulai dengan konsonan, jika sesuatu suku kata dimulakan dengan vokal, vokal tersebut mestilah didahului oleh bunyi hentian glotis (Aquil, 2013). Hentian glotis BA merujuk kepada segmen hamzah.

Dalam BA, terdapat suatu keadaan di mana struktur suku kata akhir diakhiri oleh konsonan. Dalam keadaan ini suku kata tersebut dikategorikan sebagai suku kata ekstrametrikal. Semua kata akar BA, sama ada dari golongan kata kerja mahupun kata nama, di sebelah kanan kata akar tersebut mestilah berakhir dengan konsonan yang dianggap sebagai suku kata ekstrametrikal dan ditandai dengan simbol σ dalam kurungan (Kiraz, 1994). Oleh itu, dalam pendekatan analisis autosegmental, suku kata ekstrametrikal (المَقْطَعُ الْخَارِجُ الْوَزْنِيّ) akan diwakili oleh segmen (σ) pada tingkat suku kata.

Hal ini berlaku kerana konsonan akhir yang terdapat dalam sesuatu perkataan BA akan diikuti oleh vokal. Perletakan vokal tersebut adalah ditentukan berdasarkan kepada maklumat sintaksis. Keadaan ini merujuk kepada elemen fleksi yang terdapat dalam sistem sintaksis BA.

Fleksi merujuk kepada perubahan keadaan pada akhir perkataan disebabkan oleh faktor tertentu (Jawatankuasa Istilah [JKI] Bahasa dan Kesusasteraan Arab, 1996).

Secara umumnya, struktur kata BA boleh menerima vokal aktif yang merujuk kepada tiga vokal pendek *fathaṭ* /a/, *dammaṭ* /u/ dan *kasraṭ* /i/ atau vokal berganda (تَوِين) /a)n/, /i)n/ dan /u)n/ bagi golongan kata nama. Kewujudan vokal berganda boleh dilihat jika sesuatu perkataan tidak didahului oleh alif *lam ta 'rif*. Alif *lam* tersebut adalah merujuk kepada partikel *ta 'rif* bagi kata nama khas BA. Oleh yang demikian, jika sesuatu perkataan diujarkan bersama vokal di akhir kata, kewujudan vokal pada posisi selepas konsonan akhir atau konsonan yang dinisbahkan kepada suku kata ekstrametrikal dalam sesuatu perkataan BA akan mewujudkan satu suku kata lengkap atau suku kata penuh. Dalam representasi autosegmental bagi suku kata ekstrametrikal, konsonan akhir tersebut tidak boleh dihubungkan ke nodus suku kata yang sama dengan segmen yang mendahului konsonan tersebut dalam urutan segmen di tingkat melodi.

Bebanan Suku Kata Bahasa Arab

Suku kata BA dapat diagihkan menurut bebanan suku kata (syllable weight). Dalam BA, bebanan suku kata menentukan sesuatu tekanan leksikal dalam kata (Balasubramanian, 2011). Terdapat tiga pembahagian bebanan suku kata BA, iaitu ringan (المَقْطَعُ الخَفِيفُ), berat (المَقْطَعُ الثَّقِيلُ) dan ekstra berat (المَقْطَعُ فَوْقَ الثَّقِيلِ). Posisi segmen dalam sesuatu kata menentukan setiap pembahagian bebanan suku kata tersebut. Setiap bebanan suku kata diwakili oleh pola suku kata yang terdapat dalam BA. Suku kata yang berpola /KV/ dikategorikan sebagai suku kata ringan, adapun suku kata berpola /KV̄/ dan /KVK/ menjurus kepada suku kata berat, manakala suku kata ekstra berat merujuk kepada suku kata berpola /KV̄]K/ dan /KVKK/ serta /KV̄]KK/ (Halpern, 2009; Kiraz, 1994). Suku kata ringan dan berat merupakan suku kata asas bagi BA dan dikembangkan kepada enam struktur melihat kepada cara sesuatu kata diujarkan, sama ada dituturkan dalam keadaan waqaf atau sebaliknya. Jika dilihat berdasarkan pengkategorian pola suku kata bagi setiap bebanan suku kata, suku kata ringan merujuk kepada suku kata terbuka. Manakala, suku kata berat mengandungi suku kata terbuka dan tertutup. Adapun suku kata ekstra berat terkandung daripada suku kata tertutup dan suku kata tertutup berganda (Watson, 2011).

Selain itu, suku kata berat dapat dibezakan dengan bebanan suku kata yang lain apabila mengandungi vokal panjang atau diftong, serta suku kata yang mengandungi vokal pendek tetapi diakhiri oleh konsonan menurut anggapan kebanyakan bahasa (McCarthy, 1979). Hal ini bertepatan dengan pola suku kata BA yang diukur sebagai suku kata berat iaitu /KV̄/ yang mengandungi vokal panjang, dan /KVK/ yang mempunyai vokal pendek dan segmen di akhir suku katanya merupakan konsonan.


Suku kata dapat diukur juga berdasarkan bilangan unit mora (المَجْتَرَأُ). Unit mora dapat ditentukan berdasarkan posisi segmen dalam kata. Posisi segmen merujuk kepada kedudukan segmen dalam suku kata menurut hierarki suku kata sama ada berada pada posisi nukleus, koda atau onsets.

Kuantiti unit mora ditentukan pula berdasarkan bebanan suku kata. Menurut Lecerf (1974) dipetik daripada McCarthy (1979), seunit mora akan dimiliki oleh suku kata ringan, adapun dua unit mora terkandung dalam suku kata berat, manakala tiga unit mora atau mungkin lebih didapati dalam suku kata yang lebih berat. Setiap struktur suku kata mestilah dikuasai oleh satu onsets mora, suku kata berat pula akan dikuasai oleh satu koda mora, manakala setiap mora mestilah mempunyai satu segmen, adapun suku kata ringan tidak mengandungi koda mora


(Bird & Blackburn, 1991). Keadaan ini adalah bertepatan kerana sesuatu struktur suku kata semestinya terbentuk daripada elemen nukleus. Oleh itu, sesuatu suku kata seharusnya memiliki setidak-tidaknya seunit mora.

Penentuan bebanan suku kata bagi sesuatu bahasa adalah berbeza-beza. Bagi BA, suku kata yang berpola /KVK/ dan /KV[]]/ merupakan suku kata berat yang terkandung daripada dua unit mora (bimoraic), manakala satu unit mora (monomoraic) didapati dalam suku kata ringan berpola /KV/ (al-Qahtani, 2014). Menurut Rosenthal (2006), suku kata BA semaksimumnya dihadkan kepada dua unit mora yang merupakan dua elemen dalam rima menurut hierarki suku kata. Dua elemen dalam rima di sini bermaksud pemilikan mora oleh nukleus dan koda suku kata. Tipologi suku kata ringan dan berat berdasarkan kedudukan dan kuantiti mora dapat dijelaskan seperti rajah berikut:

a. Suku kata ringan /KV/



b. Suku kata berat /KVK/ dan /KV[]]/



Rajah 3: Tipologi Suku Kata Ringan dan Berat

Sumber: Kiraz (1994); al-Qahtani (2014)

Rajah 3 di atas menjelaskan tingkat suku kata yang dihubungkan dengan nodus mora yang diwakili oleh segmen μ pada tingkat skeletal, kemudian dihubungkan dengan tingkat melodi atau segmen yang diwakili oleh konsonan dan vokal. Rajah tersebut jelas menunjukkan bahawa suku kata ringan mengandungi satu unit mora yang dihubungkan dengan nukleus (vokal), manakala suku kata berat memiliki dua unit mora yang dihubungkan dengan nukleus (vokal) dan koda (konsonan).

Kesimpulan

Berdasarkan dapatan kajian ini, pola suku kata Arab dapat dibahagikan kepada 6 pola utama. Pola-pola ini dapat diukur berdasarkan jenis suku kata yang melibatkan suku kata terbuka dan suku kata tertutup, kadar sebutan suku kata yang melibatkan suku kata panjang, pertengahan dan pendek, hierarki suku kata yang melibatkan tiga pertimbangan seperti; tidak terdapat suku kata tanpa onsets yang bermakna onsets suku kata adalah perlu, onsets kompleks adalah tidak dibenarkan walaupun onsets adalah dituntut, akhirnya koda sama ada tunggal atau kompleks adalah dibenarkan dalam suku kata BA dan juga bebanan suku kata yang melibatkan tiga pembahagian bebanan suku kata BA, iaitu ringan, berat dan ekstra berat. Perbincangan aspek suku kata BA yang telah diketengahkan dalam kajian lalu menunjukkan bahawa aspek suku kata yang dibincangkan boleh mencakupi dari pelbagai aspek. Tafsiran menurut teori dalam kajian ini dilihat lebih kukuh dan jelas untuk difahami oleh pembaca. Pengetahuan mengenai struktur suku kata BA penting bagi mengenalpasti perkataan Arab yang berasal dari BA dan perkataan Arab yang dipinjam dari bahasa asing melalui ciri bunyi dan bentuk perkataan tersebut. Pemahaman mengenai struktur suku kata juga memudahkan kita memahami rima dan lenggok bahasa yang terdapat di dalam teks sastera BA seperti syair. Kajian ini boleh dimanfaatkan oleh pengkaji yang menjalankan kajian linguistik secara umumnya dan kajian fonologi secara khusus terutamanya melibatkan kajian kata serapan Arab atau fonologi BA. Selain itu, kajian ini boleh juga dimanfaatkan oleh pengkaji yang mengkaji pemerolehan bahasa

Arab kanak-kanak Arab atau kanak-kanak bukan Arab bagi melihat adakah terdapat percampuran bahasa asing di dalam proses pemerolehan bahasa mereka. Kajian ini juga boleh dimanfaatkan oleh pendidik bagi menjelaskan kepada para pelajar dalam sesi pengajaran dan pembelajaran suku kata BA di dalam bilik kuliah terutamanya dalam pengajaran dan pembelajaran BA sebagai bahasa asing.

Rujukan

- Ahmad, Z. & Teoh, B. S. (2006). *Fonologi Autosegmental Penerapannya pada Bahasa Melayu*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa Dan Pustaka.
- Al-Ghamidiy, M. M. (2000). *Al-Sawtiyyat al-'Arabiyyat*. Maktabat al-Taubat, al-Riyad: Mamlakat al-'Arabiyyat al-Su'udiyat.
- Aquil, R. (2013). Cairne Arabic Syllable Structure Though Different Phonological Theories. *Open Journal of Modern Linguistics*, 3(3), 259-267. doi: <http://dx.doi.org/10.4236/ojml.2013.33034>
- 'Atiq, 'A. 'A. (1987). *Ilm al-'Arud wa al-Qafiyat*. Bayrut: Dar al-Nahdat al-'Arabiyyat.
- Aziz, A. Y. A. & Ahmad, Z. (2008). Onset Mora dalam Dialek Kelantan: Analisis Tatatingkat Kekangan. *Jurnal e-Bangi*, 3(1), 1-16.
- Balasubramanian, T. (2011). Word-Accent and Syllable-Structure in Modern Standard Arabic. *Arab World English Journal*, 2(2), 167-186.
- Bird, S., & Blackburn, P. (1991, April). *A Logical Approach to Arabic Phonology*. Paper presented at the Proceedings of the fifth conference on European chapter of the Association for Computational Linguistics (pp. 89-94). Association for Computational Linguistics.
- El Shanawany, H & Wiese, R. (2021). Contrastive Syllable Phonology – L2 German and L1 Arabic. *Deutsch Als Fremdsprache-Zeitschrift Zur Theorie Und Praxis Des Faches Deutsch Als Fremdsprache*, 58(2), 76-85.
- Halpern, J. (2009). *Word Stress and Vowel Neutralization in Modern Standard Arabic*. Paper presented at the International conference on Arabic language resources and tools. Cairo, Egypt.
- Jawatankuasa Istilah Bahasa dan Kesusasteraan Arab. (1996). *Glosari Bahasa dan Kesusasteraan Arab Bahasa Arab-Huraian-Bahasa Melayu*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Keffala, B., Barlow, J. A. & Rose, S. (2018). Interaction in Spanish-English Bilinguals' Acquisition of Syllable Structure. *International Journal of Bilingualism*, 22(1), 16-37.
- Kiraz, G. A. (1994). Computational Analyses of Arabic Morphology.
- Mashaqba B. M., Al-Shdifat K. G., Al Huneety A.I. & Alhala M. A. (2019). Acquisition of Syllable Structure in Jordanian Arabic. *Communication Sciences & Disorders*, 24(4), 953-967.
- Mayhubiy, A.-S. (2000). al-Maqta' al-sawtiy wa binyaṭ al-kalimaṭ. *Majallaṭ al-'Ulum al-Insaniyyat, Jami'at Manturi Qasantiniyyat*, 14, 167-177.
- McCarthy, J. J. (1979). On Stress and Syllabification. *Linguistic Inquiry*, 10(3), 443-465.
- Na'eem, H., Abudaljuh, M. & Jaber, A. (2020). Medial Tri-Consonantal Clusters in Urban Jordanian Arabic. *Jordan Journal of Modern Languages & Literature*, 12(1), 45-56.
- al-Qahtani, M. (2014). *Syllable Structure and Related Processes in Optimality Theory: an Examination of Najdi Arabic*. (Doctor of Philosophy in Linguistics), Newcastle University.
- Raja, P. (2008). Phonological Processes of Three Indonesian Children Aged Between 1;8 and 2;6. *K@ta*, 9(2), 126-140.
- Rosenthal, S. (2006). Glide Distribution in Classical Arabic Verb Stems. *Linguistic Inquiry*, 37(3), 405-440.

- Rubba', M. (2000). al-Nizam al-Maqta'i wa Hamzat al-Wasl fi al-'Arabiyyat. *Majallat al-'Ulum al- Insaniyyat, Jami'at Manturi Qasantiniyyat, 13*, 159-181.
- Watson, J. C. E. (2011). *Word Stress in Arabic*. In: the Blackwell Companion to Phonology. Wiley-Blackwell, Oxford, 2990 - 3019. <http://eprints.whiterose.ac.uk/75747/>
- Zaidan, N. A., Zailaini, M. A. & Ismail, W. M. (2015). Absorption of Arabic Words In Malay Language. *OIDA International Journal of Sustainable Development, 8*(3), 51-58.